



14 April 2022
14 April 2022
P.U. (A) 109

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA (PINDAAN) 2022

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT)
RULES 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2022**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 15 April 2022 hingga 30 Jun 2022.

Pindaan kaedah 41

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*] dipinda dalam kaedah 41 dengan memasukkan selepas subkaedah (10ZH) subkaedah yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang memerlukan pembiayaan bagi maksud membantunya dalam menampung komitmen kewangannya yang terjejas disebabkan oleh pandemik Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) bagi notis pengeluaran yang diberikan kepada Lembaga sehingga 30 April 2022.

(10ZI) Jika notis pengeluaran dibuat di bawah perenggan 54(6)(n) Akta atas alasan bahawa ahli Kumpulan Wang memerlukan pembiayaan bagi maksud membantunya dalam menampung komitmen kewangannya yang terjejas disebabkan oleh pandemik Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) bagi notis pengeluaran yang diberikan kepada Lembaga sehingga 30 April 2022, ahli Kumpulan Wang itu hendaklah memberikan suatu notis pengeluaran kepada Lembaga mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(10Zj) Notis pengeluaran yang disebut dalam subkaedah (10Zi) hendaklah dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang kepada Lembaga pada bila-bila masa sehingga 30 April 2022.

(10Zk) Jika Lembaga berpuas hati dengan notis pengeluaran yang dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang, Lembaga boleh membenarkan ahli Kumpulan Wang itu untuk mengeluarkan suatu amaun tidak kurang daripada lima puluh ringgit dan tidak melebihi sepuluh ribu ringgit pada tarikh notis pengeluaran itu dibenarkan tertakluk kepada—

(a) amaun yang ada pada kredit dalam Akaun II ahli Kumpulan Wang itu digunakan sepenuhnya; dan

(b) amaun yang ada pada kredit dalam Akaun I ahli Kumpulan Wang itu digunakan jika terdapat apa-apa kekurangan dalam amaun yang ada pada kredit yang disebut dalam perenggan (a) bagi maksud pengeluaran itu.

(10ZL) Bagi maksud subkaedah (10Zk), amaun pengeluaran hendaklah dibayar kepada ahli Kumpulan Wang secara sekali gus.

(10ZM) Ahli Kumpulan Wang itu hendaklah, pada tarikh pengeluaran, mempunyai amaun

yang ada pada kreditnya dalam Akaun I sekurang-kurangnya satu ratus ringgit.

(10ZN) Jika ahli Kumpulan Wang telah mengemukakan notis pengeluaran di bawah subkaedah (10ZI) kepada Lembaga, notis pengeluaran itu tidak boleh dibatalkan.”.

Dibuat 13 April 2022

[MOF.SBM(R) 600-41/39/91; PN(PU2)498/JLD. 19]

TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
Pengerusi
Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) RULES 2022

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Employees Provident Fund Act 1991 [Act 452], the Board makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Employees Provident Fund (Amendment) Rules 2022**.

(2) These Rules have effect for the period from 15 April 2022 to 30 June 2022.

Amendment of rule 41

2. The Employees Provident Fund Rules 1991 [P.U. (A) 493/1991] are amended in rule 41 by inserting after subrule (10ZH) the following subrules:

“Member of Fund requires financing for purpose of assisting him in covering his financial commitment which is affected due to Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) pandemic for notice of withdrawal given to Board until 30 April 2022.

(10ZI) Where a notice of withdrawal is made under paragraph 54(6)(n) of the Act on the ground that a member of the Fund requires financing for the purpose of assisting him in covering his financial commitment which is affected due to the Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) pandemic for the notice of withdrawal given to the Board until 30 April 2022, the member of the Fund shall give a notice of withdrawal to the Board in accordance with any manner as determined by the Board.

(10Zj) The notice of withdrawal referred to in subrule (10Zi) shall be submitted by the member of the Fund to the Board at any time until 30 April 2022.

(10ZK) Where the Board is satisfied with the notice of withdrawal submitted by the member of the Fund, the Board may authorize the member of the Fund to withdraw an amount not less than fifty ringgit and not exceeding ten thousand ringgit on the date of the notice of withdrawal is authorized subject to—

(a) the amount standing to the credit in Account II of the member of the Fund is fully utilized; and

(b) the amount standing to the credit in Account I of the member of the Fund is utilized if there is any deficiency in the amount standing to the credit referred to in paragraph (a) for the purposes of the withdrawal.

(10ZL) For the purposes of subrule (10ZK), the amount of withdrawal shall be paid to the member of the Fund in lump sum.

(10ZM) The member of the Fund shall, on the date of the withdrawal, have an amount standing to his credit in Account I at least one hundred ringgit.

(10ZN) Where the member of the Fund has submitted the notice of withdrawal under subrule (10Zi) to the Board, such notice of withdrawal shall not be revoked.”.

Made 13 April 2022

[MOF.SBM(R) 600-41/39/91; PN(PU2)498/JLD. 19]

TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
Chairman
Employees Provident Fund Board